

POLISI INSURANS PERJALANAN 'KURNIA CARE'

AmGeneral Insurance Berhad (selepas ini dirujuk sebagai Syarikat), bersetuju, tertakluk kepada terma, pengecualian dan syarat yang terkandung dalam dokumen ini atau yang diendors, bahawa sekiranya dalam Tempoh Insurans, mana-mana Orang Yang Diinsuranskan mengalami kerugian sebagaimana ditunjukkan di bawah Syarikat akan menanggung rugi Orang Yang Diinsuranskan sehingga tahap sebagaimana yang ditentukan.

HAD GEOGRAFI:

KAWASAN 1 Asia ATAU KAWASAN 2 Seluruh Dunia sebagaimana didefinisikan dalam Jadual:

(1) Kawasan 1:

Adalah terhad kepada negara-negara berikut sahaja: Malaysia (Malaysia Barat ke Malaysia Timur dan sebaliknya), Singapura, Thailand, Indonesia, Filipina, Brunei, Myanmar, Vietnam, China, India, Korea, Pakistan, Jepun, Sri Lanka, Taiwan, Kemboja, Hong Kong dan Macau.

(2) Kawasan 2: Seluruh Dunia

TEMPOH INSURANS

Di bawah Faedah 10 (Kehilangan Deposit atau Pembatalan sahaja) insurans berkuat kuasa sebaik sahaja sijil ini dikeluarkan dan terbatal sebaik sahaja bermulanya perjalanan yang dirancang dari Malaysia.

Bagi Faedah lain, insurans bermula sebaik sahaja Orang Yang Diinsuranskan meninggalkan tempat kediaman atau perniagaan beliau di Malaysia (yang mana terkemudian) untuk memulakan perjalanan yang dirancang sehingga masa kepulangan beliau ke tempat kediaman atau perniagaan di Malaysia (yang mana terdahulu) apabila selesai perjalanan tersebut. Dalam apa jua keadaan tidak boleh memulakan perjalanan lebih daripada dua puluh empat (24) jam sebelum tempahan waktu berlepas atau tamat lebih daripada dua puluh empat (24) jam selepas tempahan waktu pulang ke Malaysia. Suatu perjalanan hendaklah melibatkan perjalanan balik ke Malaysia dalam Tempoh Insurans yang dinyatakan dalam polisi ini, kecuali bagi perjalanan sehala yang akan tamat dua puluh empat (24) jam dari jadual waktu ketibaan di destinasi terakhir di luar negara. Orang Yang Diinsuranskan hendaklah warganegara Malaysia atau Penduduk Tetap Malaysia dan berhubung dengan perlindungan perjalanan sehala mana-mana persinggahan tidak boleh melebihi satu (1) bulan melainkan kelewatan tersebut di luar kawalan Orang Yang Diinsuranskan.

Insurans ini tidak sah bagi tempoh perjalanan yang melebihi enam (6) bulan. Pelanjutan kepada Tempoh Insurans adalah tidak dibenarkan.

PELANJUTAN AUTOMATIK BAGI KELEWATAN PERJALANAN BALIK

Sekiranya berlaku kelewatan di luar kawalan Orang Yang Diinsuranskan perjalanan balik tidak dapat dibuat sebelum tamat Tempoh Insurans, polisi ini akan kekal berkuat kuasa sehingga tiga puluh (30) hari tanpa dikenakan premium tambahan bagi tempoh tersebut atas alasan yang munasabah bagi melengkapkan perjalanan tersebut.

FAEDAH 1 – KEMALANGAN DIRI

Sekiranya berlaku kemalangan luaran yang serius dan nyata yang terjadi secara tunggal dan langsung tanpa kejadian lain yang dialami oleh Orang Yang Diinsuranskan dalam Tempoh Insurans faedah-faedah berikut akan dibayar mengikut pelan yang dipilih:

(1) Kematian akibat kemalangan	- 100%	} Jumlah Diinsuranskan
(2) Kehilangan satu atau lebih anggota kaki atau tangan atau kehilangan penglihatan sebelah atau kedua-dua mata	- 100%	
(3) Hilang Upaya Kekal Menyeluruh	- 100%	

PENGECUALIAN:

- (i) Keadaan perubatan pra-wujud.
- (ii) Kecederaan anggota badan akibat daripada kejadian yang berlaku secara perlahan-lahan.
- (iii) Pertukaran pekerja ke luar negara sebagai sebahagian daripada pekerjaan dan tugas manual anda berhubung dengan mana-mana perdagangan, pekerjaan atau profesion.
- (iv) Bunuh diri (sama ada feloni atau tidak) dan atau sebarang percubaan bunuh diri, kecederaan yang disengajakan dan/atau serangan yang didorong.

DEFINISI

"Keadaan Perubatan Pra-Wujud" hendaklah bermaksud sebarang keadaan perubatan Orang Yang Diinsuranskan:

- (a) yang telah menjalani diagnosis; atau
- (b) di mana wujud gejala-gejala yang akan menyebabkan orang biasa yang prihatin pergi mendapatkan diagnosis, penjagaan atau rawatan; atau
- (c) di mana rawatan perubatan disyorkan oleh pengamal perubatan yang berkeelayakan dan berdaftar, tanpa mengira sama ada rawatan sebenarnya telah diterima sebelum Tarikh Mula Polisi ini.

PERUNTUKAN

- (i) Tiada faedah akan dibayar:
 - (a) Di bawah [1] atau [2] melainkan kematian atau kehilangan tersebut berlaku dalam tempoh dua belas (12) bulan kalendar dari tarikh kecederaan anggota badan.
 - (b) Di bawah [3] kecuali terdapat bukti kepada Syarikat Insurans bahawa hilang upaya tersebut berterusan selama dua belas (12) bulan kalendar dari tarikh kecederaan anggota badan dan dalam semua kebarangkalian akan berterusan sepanjang hayat Orang Yang Diinsuranskan.
- (ii) Jumlah maksimum bagi semua faedah yang boleh dibayar di bawah seksyen ini dalam Tempoh Insurans tidak boleh melebihi RM100,000.00.

DEFINISI

Kehilangan anggota kaki atau tangan bermaksud kehilangan disebabkan pemisahan fizikal kaki atau tangan dari atau bahagian atas pergelangan tangan atau kaki atau atas buku lali.

Kehilangan penglihatan bermaksud kehilangan penglihatan keseluruhan dan tidak akan pulih.

Hilang Upaya Kekal Menyeluruh bermaksud kehilangan upaya secara mutlak daripada melakukan atau memberi perhatian kepada sebarang pekerjaan yang menguntungkan bagi tempoh dua belas (12) bulan kalendar dan pada akhir masa tersebut tiada harapan untuk pulih semula.

FAEDAH 2 – PERBELANJAAN PERUBATAN

Bayaran sehingga had/pelan mengikut Jadual dalam semua penyakit atau kecederaan anggota badan akibat kemalangan bagi setiap tempoh polisi. Tertakluk kepada lebihan seperti berikut:

- (i) Kawasan 1 – TIADA
- (ii) Kawasan 2 – RM100.00

1. Perbelanjaan perubatan, kemasukan ke hospital, pembedahan dan rawatan [termasuk kos pembedahan pergigian kecemasan] yang diperlukan apabila berada di luar Malaysia termasuk Malaysia Timur (Sabah/Sarawak) bagi penduduk Semenanjung Malaysia dan sebaliknya yang membawa kepada tuntutan kecederaan anggota badan akibat kemalangan atau penyakit yang dialami oleh Orang Yang Diinsuranskan dalam Tempoh Insurans.
2. Bayaran yang munasabah sekiranya berlaku kematian untuk urusan pengkebumian atau pembakaran mayat Orang Yang Diinsuranskan di tempat di mana kematian berlaku termasuk kos pengangkutan jenazah atau abu yang munasabah ke Malaysia sehingga had sebanyak RM5,000.00.
3. Perbelanjaan penginapan dan perjalanan tambahan bagi saudara atau rakan yang diperlukan atas nasihat perubatan daripada doktor yang merawat untuk membuat perjalanan atau menemani Orang Yang Diinsuranskan sehingga had sebanyak RM5,000.00.
4. Perbelanjaan perubatan, hospital dan rawatan [termasuk kos ambulans persendirian atau yuran rumah penjagaan profesional] yang ditanggung secara munasabah oleh Orang Yang Diinsuranskan di Malaysia dalam tempoh satu (1) bulan selepas kembalinya Orang Yang Diinsuranskan dari luar negara, perbelanjaan tersebut adalah akibat daripada kemalangan atau penyakit semasa di luar negara yang berlaku dalam Tempoh Insurans sehingga maksimum sebanyak RM5,000.00.

PENGECUALIAN:

- (i) Rawatan perubatan di Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya.
- (ii) Rawatan atau pembedahan, atau caj tambahan bagi bilik persendirian, penginapan yang tidak diperlukan, kecuali diperlukan dari segi perubatan.
- (iii) Rawatan perubatan yang menjadi tujuan khusus bagi perjalanan tersebut.

- (iv) Keadaan perubatan pra-wujud.
- (v) Kehamilan, keguguran atau kelahiran bayi.
- (vi) Pertukaran pekerja ke luar negara sebagai sebahagian daripada pekerjaan dan tugas manual anda berhubung dengan mana-mana perdagangan, pekerjaan atau profesion.

FAEDAH 3 – ELAUN HOSPITAL

Bayaran sehingga had/pelan mengikut Jadual setiap tempoh polisi. Sekiranya Orang Yang Diinsuranskan dimasukkan ke hospital [dilesenkan untuk menjalankan pembedahan] di luar negara sebagai pesakit dalam disebabkan kecederaan anggota badan akibat kemalangan atau penyakit yang dialami semasa di luar negara dalam Tempoh Insurans, Syarikat akan membayar Orang Yang Diinsuranskan faedah sebagaimana dinyatakan di atas untuk setiap hari penuh di mana Orang Yang Diinsuranskan dimasukkan ke hospital bagi tempoh maksimum sehingga tiga puluh (30) hari.

PENGECUALIAN:

- (i) Bagi kecederaan anggota badan akibat daripada kejadian yang berlaku secara perlahan-lahan kepada Orang Yang Diinsuranskan.
- (ii) Rawatan atau bantuan yang diterima di Malaysia [kecuali sebagaimana diperuntukkan secara khusus dalam Faedah 2 [1].
- (iii) RM100.00 pertama bagi setiap dan tiap-tiap tuntutan bagi Kawasan 2 di bawah Faedah 2.
- (iv) Pembedahan atau rawatan perubatan yang pada pendapat pengamal perubatan berkelayakan dan berdaftar yang merawat Orang Yang Diinsuranskan boleh ditangguhkan sehingga kepulangan Orang Yang Diinsuranskan ke Malaysia.
- (v) Keadaan perubatan pra-wujud.
- (vi) Kehamilan, keguguran, kelahiran bayi atau komplikasi berkaitan dengan melahirkan anak.

WARANTI:

Orang Yang Diinsuranskan menjamin bahawa beliau tidak membuat perjalanan untuk tujuan mendapatkan rawatan perubatan atau bertentangan dengan nasihat yang diberi oleh pengamal perubatan yang berkelayakan dan berdaftar, atau telah menghidap sebarang penyakit berat atau hilang upaya bagi tempoh dua belas (12) bulan kalendar yang lepas.

FAEDAH 4 – BAGASI

Bayaran sehingga had/pelan mengikut Jadual setiap tempoh polisi. Tertakluk kepada lebih seperti berikut:

- (i) Kawasan 1 - TIADA
- (ii) Kawasan 2 – RM50.00

Kehilangan atau kerosakan pada bagasi yang dibawa [tidak termasuk barangan makanan] atau dihantar terlebih dahulu dan/atau dibeli semasa dalam perjalanan [termasuk pakaian dan barangan milik peribadi yang dipakai atau dibawa oleh Orang Yang Diinsuranskan, dalam peti dan bagasi], yang berlaku semasa dalam perjalanan dan dimiliki oleh Orang Yang Diinsuranskan.

Sekiranya Orang Yang Diinsuranskan membuat pembelian untuk menggantikan barangan yang hilang yang sama bandingnya, Syarikat akan membayar kos penggantian tersebut dengan syarat barangan hilang berkenaan hendaklah tidak lebih daripada dua (2) tahun pada tarikh kehilangannya. Sekiranya Orang Yang Diinsuranskan tidak dapat membuktikan usia barang yang hilang atau dan sekiranya barangan berkenaan lebih daripada dua (2) tahun atau sekiranya barangan berkenaan tidak digantikan, Syarikat akan menentukan tuntutan tersebut berdasarkan nilai pembelian asal barangan berkenaan, tertakluk kepada susut nilai kerana haus dan lusuh atau kos pembaikan, yang mana lebih kurang.

Sekiranya mana-mana barangan berkenaan ternyata tidak boleh dibaiki, tuntutan akan diuruskan di bawah Polisi ini seperti mana barangan tersebut telah hilang.

Sekiranya berlaku kehilangan atau kerosakan kepada mana-mana harta benda pihak yang diinsuranskan yang membentuk sebahagian daripada pasangan atau set tersebut, liabiliti yang ditanggung Syarikat tidak boleh melebihi nilai perkadaran setimpal mana-mana bahagian pasangan atau set.

Syarikat tidak akan menanggung liabiliti yang melebihi RM200.00 berhubung dengan mana-mana satu barangan atau pasangan atau set barangan tersebut.

Nota: Orang Yang Diinsuranskan tidak boleh membuat tuntutan untuk kedua-dua Faedah 4 dan 7 bagi kejadian yang sama.

PENGECUALIAN:

- (i) Kerugian atau kerosakan kepada setem, dokumen, kanta sentuh atau kanta kornea, kerosakan kepada barangan mudah pecah, retakan, calar atau kepecahan kaca, porselin, marmar, tembikar atau kulit kura-kura atau kepecahan mentol atau tiub kaca melainkan disebabkan oleh kebakaran, kecurian, pecah rumah, rompakan atau sebarang percubaan ancaman atau kemalangan kenderaan.
- (ii) Barangan-barang perniagaan atau sampel.
- (iii) Haus dan lusuh, kerosotan beransur-ansur atau kerosakan mekanikal atau elektronik atau gangguan.
- (iv) Kos untuk menghasilkan semula data sama ada dalam bentuk pita, kad, dan cakera atau sebaliknya.
- (v) Di mana Orang Yang Diinsuranskan menerima bayaran pampasan daripada syarikat pengangkutan atau pihak-pihak berkuasa lain.

FAEDAH 5 – WANG PERIBADI

Bayaran sehingga had/pelan mengikut Jadual setiap tempoh polisi.

Tertakluk kepada lebih seperti berikut:

- (i) Kawasan 1 - TIADA
- (ii) Kawasan 2 - RM50.00

Kehilangan wang [tunai, bank atau wang kertas, kiriman wang pos, tiket perjalanan, pasport, atau baucar kredit] dalam Tempoh Insurans.

PENGECUALIAN:

- (i) Kehilangan atau kerosakan disebabkan oleh penangguhan, rampasan, penahanan oleh pihak kastam atau mana-mana pihak berkuasa berkaitan.
- (ii) Kehilangan wang dalam peti simpanan hotel tanpa unsur pecah masuk secara paksaan dan keganasan.
- (iii) Kehilangan wang disebabkan kekurangan, kesilapan, peninggalan, pertukaran atau susut nilai.

WARANTI:

Wang hendaklah disimpan sendiri pada sepanjang masa melainkan apabila disimpan di dalam peti keselamatan hotel.

FAEDAH 6 – KEHILANGAN DOKUMEN PERJALANAN

Bayaran sehingga had/pelan mengikut Jadual setiap tempoh polisi. Tertakluk kepada lebih seperti berikut:

- (i) Kawasan 1 - TIADA
- (ii) Kawasan 2 - RM50.00

Kami akan membayar kos mendapatkan penggantian dokumen perjalanan yang diperlukan untuk meneruskan dan melengkapkan perjalanan anda.

PENGECUALIAN:

- (i) Kehilangan atau kerosakan disebabkan oleh penangguhan, rampasan, penahanan oleh pihak kastam atau mana-mana pihak berkuasa berkaitan.
- (ii) Kehilangan atau kerosakan kepada setem, dokumen, [selain daripada yang dinyatakan secara khusus dalam Faedah 6].
- (iii) Kehilangan atau kerosakan ketika dalam jagaan syarikat penerbangan atau syarikat pengangkutan lain, melainkan dilaporkan serta-merta mengenai penemuan dan dalam hal yang membabitkan syarikat penerbangan, dapatkan laporan penyimpangan harta ('Property Irregularity Report').
- (iv) Kehilangan atau kecurian harta yang ditinggalkan tanpa jagaan di tempat awam atau akibat kegagalan Orang Yang Diinsuranskan untuk mengambil langkah berhati-hati dan berwaspada untuk melindungi dan menjaga harta tersebut.
- (v) Di mana Orang Yang Diinsuranskan telah menerima bayaran pampasan daripada syarikat pengangkutan atau pihak-pihak berkuasa lain.

FAEDAH 7 – KELEWATAN BAGASI

Bayaran sehingga had/pelan mengikut Jadual setiap tempoh polisi. Syarikat akan membayar balik bagi pembelian kecemasan barangan pakaian atau keperluan akibat kehilangan sementara bagasi bagi tempoh sekurang-kurangnya lapan (8) jam atau lebih dari masa ketibaan di destinasi luar negara disebabkan arahan penghantaran yang salah sebagaimana disahkan oleh syarikat penerbangan atau perkapalan.

Nota: Orang Yang Diinsuranskan tidak boleh membuat tuntutan untuk kedua-dua Faedah 4 dan 7 bagi kejadian yang sama.

FAEDAH 8 – KELEWATAN PENERBANGAN

Bayaran sehingga had/pelan mengikut Jadual setiap tempoh polisi. Sekiranya pesawat atau kapal laut di mana Orang Yang Diinsuranskan telah diatur untuk perjalanan tertanggung bagi tempoh sekurang-kurangnya lapan (8) jam di mana-mana satu destinasi dari masa yang dinyatakan dalam jadual perjalanan yang diberikan kepada Orang Yang Diinsuranskan disebabkan oleh mogok, tindakan industri, keadaan cuaca yang buruk atau kerosakan/gangguan mekanikal pada pesawat atau kapal laut tersebut atau disebabkan pesawat terkandas akibat kerosakan mekanikal atau struktur, sebagaimana disahkan oleh syarikat penerbangan atau perkapalan, Syarikat akan membayar RM250.00 bagi kelewatan lapan (8) jam yang pertama dan RM150.00 bagi setiap kelewatan lapan (8) jam penuh yang berikutnya [kelewatan dikira dari masa berlepas pesawat atau kapal laut yang dinyatakan dalam jadual perjalanan].

PENGECUALIAN:

Tuntutan yang timbul secara langsung atau tidak langsung daripada:

- (i) Kegagalan Orang Yang Diinsuranskan untuk mendaftar masuk mengikut jadual penerbangan yang diberikan kepadanya, dan kegagalan mendapat pengesahan bertulis daripada syarikat penerbangan atau ejen kendalian mereka bagi jumlah jam kelewatan dan sebab bagi kelewatan tersebut.
- (ii) Mogok atau tindakan industri yang wujud pada tarikh insurans ini dibeli oleh Orang Yang Diinsuranskan.
- (iii) Kelewatan ketibaan Orang Yang Diinsuranskan di lapangan terbang atau pelabuhan selepas masa untuk daftar masuk atau tempahan [kecuali kelewatan tersebut disebabkan oleh mogok atau tindakan industri].

FAEDAH 9 – LIABILITI DIRI

Bayaran sehingga had/pelan mengikut Jadual bagi mana-mana satu kemalangan dan setiap tempoh polisi.

Menanggung rugi Orang Yang Diinsuranskan bagi liabiliti undang-undang kepada pihak ketiga yang timbul dalam Tempoh Insurans akibat daripada:

- (a) Kecederaan anggota badan yang tidak disengajakan kepada pihak ketiga akibat kemalangan
- (b) Kerugian atau kerosakan yang tidak disengajakan kepada harta benda pihak ketiga akibat kemalangan

Orang Yang Diinsuranskan juga diberi indemniti bagi:

- (i) Kos dan perbelanjaan Pihak Ketiga yang boleh dituntut daripada Orang Yang Diinsuranskan.
- (ii) Kos dan perbelanjaan Orang Yang Diinsuranskan yang ditanggung dengan kebenaran bertulis daripada Syarikat terlebih dahulu.

PENGECUALIAN:

Tuntutan yang timbul secara langsung atau tidak langsung daripada atau akibat daripada:

- (i) Liabiliti Majikan, Liabiliti Kontrak atau liabiliti ke atas ahli keluarga Orang Yang Diinsuranskan.
- (ii) Haiwan kepunyaan, atau dalam peliharaan, jagaan atau kawalan Orang Yang Diinsuranskan.
- (iii) Sebarang tindakan yang disengajakan, berniat jahat atau menyalahi undang-undang.
- (iv) Penglibatan dalam perdagangan, perniagaan atau pekerjaan.
- (v) Pemilikan atau sebagai penghuni tanah atau bangunan [selain daripada mana-mana tempat kediaman sementara].
- (vi) Pemilikan atau penggunaan kenderaan, pesawat udara atau kapal air.
- (vii) Pendakian gunung, perlumbaan meluncur dalam acara-acara utama, terjun luncur, hoki ais, penggunaan bobsleighs atau rangka, menunggang atau memandu dalam perlumbaan atau rali atau penggunaan senjata api.
- (viii) Kos undang-undang yang timbul daripada apa-apa prosiding jenayah.
- (ix) Penghakiman yang bukan diberi oleh atau diterima daripada mahkamah bidang kuasa kompeten di Malaysia.

SYARAT-SYARAT YANG TERPAKAI KEPADA FAEDAH 9

Melainkan dengan kebenaran bertulis daripada Syarikat tiada sesiapa berhak untuk mengakui liabiliti bagi pihak Syarikat atau untuk memberi apa-apa kenyataan atau persetujuan yang mengikat ke atas mereka. Syarikat berhak untuk mengendalikan semua prosiding yang timbul daripada atau berkaitan dengan tuntutan atas nama Orang Yang Diinsuranskan dan untuk mengarahkan peguam-peguam yang mereka pilih bagi melaksanakan tujuan ini.

FAEDAH 10 – KEHILANGAN DEPOSIT ATAU PEMBATALAN ATAU PEMENDEKAN PERJALANAN

Bayaran sehingga had/pelan mengikut Jadual setiap tempoh polisi.

1. KEHILANGAN DEPOSIT ATAU PEMBATALAN

Kehilangan deposit yang tidak dapat ditebus atau bayaran yang dibuat terlebih dahulu atau bayaran yang perlu dibayar untuk faedah Orang Yang Diinsuranskan sahaja sekiranya terjadi pembatalan yang tidak dapat dielak atau dianggap perlu oleh Orang Yang Diinsuranskan akibat daripada sebab-sebab yang di luar kawalan Orang Yang Diinsuranskan yang berlaku selepas insurans ini berkuatkuasa. Sekiranya pembatalan disebabkan oleh kematian, kecederaan atau penyakit, ia hendaklah berlaku ke atas Orang Yang Diinsuranskan atau pasangan, ibu bapa, ibu bapa mertua, datuk nenek, anak, saudara lelaki, saudara perempuan, pasangan tunang.

2. PEMENDEKAN PERJALANAN

Pembayaran balik mengikut perkadaran yang setimpal dengan kos perbelanjaan yang telah dibayar terdahulu dan tidak boleh diperolehi semula bagi percutian dirancang yang tertera pada invoice tempahan, berdasarkan pengiraan pro rata dari tarikh ketibaan beliau di Malaysia bagi setiap kehilangan hari percutian dirancang, yang perlu dan tidak dapat dielak atas sebab pemendekan perjalanan [sebagaimana didefinisikan] percutian dirancang akibat kematian, penyakit kritikal oleh Orang Yang Diinsuranskan atau pasangan, ibu bapa, ibu bapa mertua, datuk nenek, anak, saudara lelaki, saudara perempuan, pasangan tunang atau rakan niaga terdekat, yang bermastautin di Malaysia bagi Orang Yang Diinsuranskan. Perlu diingatkan bahawa sijil perubatan hendaklah diperolehi daripada pengamal perubatan berkelayakan dan berdaftar yang merawat Orang Yang Diinsuranskan untuk mengesahkan kepulangan Orang Yang Diinsuranskan ke Malaysia adalah disebabkan oleh penyakit atau kecederaan Orang Yang Diinsuranskan.

DEFINISI PEMENDEKAN PERJALANAN

Pemendekan Perjalanan bermaksud meninggalkan perjalanan dan pulang ke tempat kediaman di Malaysia bagi perjalanan yang dirancang selepas tiba di destinasi yang ditempah sebagaimana ditunjukkan dalam invoice tempahan.

PERUNTUKAN

Jumlah maksimum yang perlu dibayar di bawah [1] dan [2] dalam Tempoh Insurans tidak boleh melebihi had/pelan yang dipilih bagi setiap tempoh polisi.

PENGECUALIAN:

Tuntutan yang timbul secara langsung atau tidak langsung daripada atau akibat daripada:

- (i) Keperluan, peraturan atau akta mana-mana kerajaan, kelewatan atau pindaan jadual perjalanan yang ditempah, atau kegagalan dalam peruntukan mana-mana bahagian perjalanan yang ditempah (termasuk kesilapan, pengabaian atau kemungkiran) oleh penyedia atau mana-mana pihak yang menyediakan perkhidmatan bagi percutian yang ditempah serta ejen atau pengendali pelancongan di mana percutian ini ditempah.
- (ii) Keberatan untuk mengembara atau kedudukan kewangan mana-mana Orang Yang Diinsuranskan.
- (iii) Sebarang perbuatan yang menyalahi undang-undang atau prosiding jenayah mana-mana Orang Yang Diinsuranskan yang membuat tempahan perjalanan melainkan anda disepina sebagai saksi di Mahkamah.
- (iv) Kegagalan untuk memaklumkan kepada ejen perjalanan atau pengendali pelancongan atau penyedia pengangkutan atau penginapan dengan serta-merta sebaik sahaja timbul keperluan untuk membatalkan atau memendekkan perjalanan.
- (v) Perniagaan anda, kewangan atau obligasi kontrak atau perjalanan anda.

FAEDAH 11 – RAMPASAN

Bayaran sehingga had/pelan mengikut Jadual setiap tempoh polisi. Sekiranya pesawat atau kapal laut berjadual yang dinaiki oleh Orang Yang Diinsuranskan dirampas atau tertakluk kepada kawalan orang-orang atau sekutu-sekutu yang membuat rampasan, Syarikat akan membayar jumlah sebagaimana dinyatakan di atas dengan syarat bahawa:

1. Rampasan mestilah berlaku dalam tempoh melebihi dua puluh empat (24) jam.
2. Dokumentasi rasmi daripada syarikat penerbangan atau pengangkutan, pihak polis atau tentera hendaklah dikemukakan sebagai sokongan bagi mana-mana tuntutan yang dibuat di bawah seksyen ini yang menyatakan tarikh, masa dan tempoh kelewatan.
3. Orang Yang Diinsuranskan atau ahli keluarga bukan sebahagian daripada anggota pihak perampas.

PENGECUALIAN AM TERPAKAI KEPADA SEMUA SEKSYEN

Polisi ini tidak melindungi tuntutan yang disebabkan atau akibat daripada:

1. Secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh, berlaku atas sebab atau diakibatkan oleh:
 - (a) Peperangan, pencerobohan, tindakan musuh asing, permusuhan [sama ada peperangan diisytiharkan atau tidak], perang saudara, pemberontakan, revolusi, kebangkitan, rampasan kuasa pihak tentera atau perampasan atau nasionalisasi atau pengambilan atau pemusnahan atau kerosakan kepada harta benda oleh atau di bawah perintah mana-mana kerajaan atau pihak berkuasa tempatan atau rusuhan atau kekecohan awam.
 - (b) Kemalangan ketika mengambil bahagian dalam perlumbaan, perlumbaan dan pertandingan rali motor, mendaki gunung [yang memerlukan penggunaan tali atau jurupandu], penerokaan lubang gua, terjun bungee, aktiviti di bawah permukaan air yang perlu menggunakan alat bantuan pernafasan, memburu, sukan musim sejuk, seni mempertahankan diri, menunggang kuda, gusti dan tinju.
 - (c) Kecederaan atau penyakit yang disengajakan, gila, penyakit kelamin, Sindrom Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit (AIDS) atau penyakit Kompleks Berkaitan AIDS (ARC), kesan atau pengaruh sementara atau sebaliknya ke atas alkohol atau ubat (selain daripada ubat yang diambil mengikut preskripsi perubatan dan dibenarkan oleh pengamal perubatan yang berkelayakan dan berdaftar, tetapi bukan untuk rawatan bagi ketagihan dadah), mendedahkan diri kepada keadaan bahaya (melainkan percubaan untuk menyelamatkan nyawa).
 - (d) Pembelahan nuklear, pelakuran nuklear atau pencemaran radioaktif.
2. Berhubung dengan mana-mana harta yang diinsuranskan secara lebih khusus atau sebarang tuntutan walaupun dengan kewujudan insurans ini masih diperolehi semula di bawah mana-mana insurans lain.
3. Tuntutan-tuntutan atau kejadian-kejadian yang boleh membawa kepada tuntutan tidak dimaklumkan terus secara bertulis kepada Syarikat dalam tempoh tiga puluh satu (31) hari dari tarikh luput insurans.
4. Perjalanan Orang Yang Diinsuranskan bertentangan dengan nasihat yang diberi oleh pengamal perubatan yang berkelayakan dan berdaftar atau untuk tujuan mendapatkan rawatan perubatan atau telah menghidapi sebarang penyakit berat atau hilang upaya bagi tempoh dua belas (12) bulan kalendar yang lepas.
5. Orang Yang Diinsuranskan membuat penerbangan atau perjalanan dalam pesawat selain daripada sebagai penumpang berbayar dengan syarikat penerbangan berlesen mengikut laluan yang dijadualkan.
6. Orang Yang Diinsuranskan membuat perjalanan bagi tujuan untuk menunaikan haji kecuali umrah.
7. Orang Yang Diinsuranskan membuat apa-apa perjalanan yang bertentangan dengan nasihat perjalanan Kementerian Luar Negeri Malaysia atau Kementerian Kesihatan Malaysia berkaitan dengan kejadian sebenar atau ugutan mogok, rusuhan, atau kekacauan awam, perang atau situasi seperti perang, letusan penyakit (termasuk wabak/pandemik) atau keadaan kesihatan yang tidak selamat, atau bencana alam yang akan berlaku, ke atas negara atau wilayah destinasi Orang Yang Diinsuranskan, kecuali perjalanan telah dimulakan sebelum penerbitan nasihat perjalanan.
8. Sebarang keadaan yang berlaku yang mengakibatkan Orang Yang Diinsuranskan tidak berupaya atau tidak dapat untuk membuat perjalanan dan keadaan tersebut dimaklumkan kepada Orang Yang Diinsuranskan atau diketahui oleh Orang Yang Diinsuranskan atau merupakan pengetahuan umum seperti yang dilaporkan di media pada masa Orang Yang Diinsuranskan membeli Polisinya atau semasa menempah perjalanannya (yang mana terkemudian).

SYARAT-SYARAT AM

1. TAFSIRAN
Polisi dan Jadual ini hendaklah dibaca bersama sebagai satu kontrak dan membentuk kontrak keseluruhan di antara semua pihak dan tiada sebarang pernyataan, kenyataan, waranti, perjanjian secara langsung atau tidak langsung, selain daripada yang terkandung di dalam kontrak ini dan sebarang ungkapan dan makna khususnya yang telah dinyatakan dalam mana-mana bahagian Polisi atau Jadual ini hendaklah membawa maksud khusus sedemikian dimana jua is mungkin dicatat.
2. KEPADA SIAPA INDEMNITI DIBAYAR
Indemniti bagi kehilangan nyawa Orang Yang Diinsuranskan perlu dibayar kepada benefisiari yang dinamakan atau penama atau selainnya kepada harta pusaka Orang Yang Diinsuranskan. Semua indemniti lain Polisi ini perlu dibayar kepada Orang Yang Diinsuranskan.
3. PEMATUHAN SYARAT-SYARAT
Orang Yang Diinsuranskan seharusnya mematuhi dan memenuhi terma-terma, syarat-syarat dan pengendorsan Polisi ini setakat mana ia berhubung kait dengan apa sahaja yang perlu dilakukan atau dipatuhi oleh Orang Yang Diinsuranskan hendaklah menjadi syarat duluan kepada mana-mana liabiliti Syarikat untuk membuat sebarang bayaran di bawah Polisi ini.
4. PENJAGAAN MUNASABAH
Orang Yang Diinsuranskan mestilah melaksanakan penjagaan munasabah yang sewajarnya dan mencegah daripada kemalangan, kecederaan, penyakit, kehilangan atau kerosakan pada sepanjang masa.
5. SALAH NYATAAN/ PENIPUAN
Polisi ini boleh terbatal sekiranya berlaku salah nyata, penerangan yang salah, kesilapan, tertinggal atau tidak mendedahkan fakta oleh Orang Yang Diinsuranskan, yang mana Orang Yang Diinsuranskan tahu atau sepatutnya telah mengetahui sebagai tidak benar, mengelirukan atau berkaitan atau yang mungkin telah mempengaruhi pertimbangan penanggung insurans yang berhemat (termasuk Syarikat) dalam menentukan premium yang perlu dibayar dan/ atau menentukan jika risiko sepatutnya diterima, dengan atau tanpa niat untuk menipu Syarikat.
6. TUNTUTAN
Sekiranya berlaku tuntutan, Orang Yang Diinsuranskan hendaklah:
 - (a) memaklumkan kepada Syarikat secara bertulis secepat mungkin walau dalam apa jua keadaan tidak lewat daripada tiga puluh satu (31) hari selepas tarikh luput insurans ini.
 - (b) menyediakan dokumen, maklumat dan bukti sebagaimana mungkin diperlukan oleh Syarikat.
 - (c) dalam kes kehilangan atau kerosakan kepada bagasi, kemukakan notis bertulis dengan kadar segera kepada pihak polis, syarikat pengangkutan dan pihak berkuasa berkaitan yang lain mengikut keadaan dan dalam kes syarikat penerbangan, dapatkan Laporan Penyimpangan Harta. Orang Yang Diinsuranskan hendaklah membuat tuntutan terhadap syarikat pengangkutan atau pihak berkuasa lain.
 - (d) sekiranya berlaku kehilangan Wang dan/atau Dokumen Peribadi, kehilangan tersebut mestilah dilaporkan kepada Polis dalam masa dua puluh empat (24) jam dari masa kejadian dan laporan diperolehi.
7. HAK-HAK SYARIKAT SELEPAS TUNTUTAN
Syarikat hendaklah dimaklumkan untuk menjalankan di atas nama dan bagi pihak Orang Yang Diinsuranskan pembelaan atau penyelesaian sebarang tindakan undang-undang dan membuat prosiding atas perbelanjaannya sendiri dan untuk manfaatnya sendiri tetapi di atas nama Orang Yang Diinsuranskan bagi mendapatkan pampasan daripada mana-mana pihak ketiga berhubung dengan apa-apa sahaja yang dilindungi oleh Polisi ini. Sekiranya berlaku kematian Orang Yang Diinsuranskan, Syarikat berhak untuk mendapatkan laporan post-mortem atas perbelanjaannya sendiri.
8. SUMBANGAN
Jika berlakunya kerugian, kerosakan atau liabiliti di bawah Polisi dan terdapat sebarang insurans lain yang melindungi kerugian, kerosakan atau liabiliti yang sama Syarikat akan hanya membayar perkadarannya yang setimpal.

9. TIMBANG TARA

Sekiranya terdapat sebarang pertikaian yang timbul terhadap jumlah yang akan dibayar di bawah Polisi ini (liabiliti sebaliknya diakui), pertikaian tersebut akan dirujuk kepada penimbang tara yang dilantik oleh kedua-dua pihak selaras dengan peruntukan berkanun yang sedang berkuat kuasa. Di mana sebarang pertikaian adalah melalui syarat ini yang akan dirujuk kepada timbang tara dalam membuat award hendaklah menjadi syarat duluan kepada mana-mana hak atau tindakan terhadap Syarikat.

10. PREMIUM

Bayaran balik premium tidak dibenarkan sebaik sahaja Polisi insurans telah berkuatkuasa.

11. HAD UMUR

Umur Orang Yang Diinsuranskan tidak boleh kurang daripada tiga puluh (30) hari atau lebih daripada tujuh puluh (70) tahun.

12. KEWAJIPAN PENDEDAHAN

Kontrak Insurans Pengguna

- (a) Menurut Perenggan 5, Jadual 9 dibawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, sekiranya Anda memohon insurans ini sepenuhnya bagi tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion Anda, Anda mempunyai kewajipan mengambil penjagaan munasabah supaya tidak membuat salah nyataan semasa menjawab soalan-soalan di dalam Borang Cadangan dan mendedahkan apa-apa perkara lain yang Anda ketahui ada berkaitan dengan keputusan kami menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang hendak dipakai, jika sebaliknya ini boleh menyebabkan kontrak terbatal, penolakan atau pengurangan tuntutan, penukaran terma atau penamatan kontrak.
- (b) Pihak Diinsuranskan juga mempunyai kewajipan memaklumkan kepada Kami dengan segera sekiranya pada bila-bila masa, selepas kontrak insurans dibuat, diubah atau diperbaharui dengan pihak Kami, sebarang maklumat yang diberikan adalah tidak tepat atau telah berubah.

PERUBAHAN DAN PENAMBAHAN ENDORSEMEN (Tidak Termasuk Dalam Polisi Melainkan Dinyatakan Dalam Jadual)

ETC - PENGECUALIAN DARIPADA TINDAKAN KEGANASAN

Insurans ini tidak melindungi sebarang kerugian atau kerosakan yang diakibatkan oleh atau melalui atau berpunca secara langsung atau tidak langsung, daripada sebarang tindakan keganasan.

Untuk tujuan ini, tindakan keganasan bermaksud tindakan, termasuk tetapi tidak terhad kepada penggunaan paksaan atau kekerasan dan/atau ugutan sedemikian, oleh sebarang orang atau kumpulan, sama ada bertindak sendirian atau bagi pihak atau berhubung dengan mana-mana organisasi atau kerajaan, yang dilakukan untuk tujuan politik, agama, ideologi atau yang seumpamanya termasuk niat untuk mempengaruhi mana-mana kerajaan dan/atau menyebabkan orang awam atau sebahagian orang awam berada dalam ketakutan.

NOTIS PENTING

1. Pihak Diinsuranskan hendaklah membaca Polisi ini dengan teliti, dan jika terdapat kesilapan atau keterangan yang salah, atau jika Polisi / perlindungan tidak memenuhi kehendak Pihak Diinsuranskan, Pihak Diinsuranskan hendaklah memberitahu kepada Syarikat dan mengembalikan Polisi untuk membuat pembetulan sewajarnya.
2. Pihak Diinsuranskan yang kurang berpuas hati dengan tindakan atau keputusan Syarikat, boleh mendapatkan bantuan melalui Unit Pengendalian Aduan kami dan sebagai alternatif, boleh juga mendapatkan pembelaan atau bantuan daripada Ombudsman Perkhidmatan Kewangan atau melayari Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (LINK), Bank Negara Malaysia yang beralamat seperti di bawah:
 - (a) Unit Pengendalian Aduan
AmGeneral Insurance Berhad
Menara Shell
No. 211, Jalan Tun Sambanthan
50470 Kuala Lumpur
Peti Surat 11228, GPO Kuala Lumpur
50740 W.P. Kuala Lumpur, Malaysia
Tel : +603-2268 3333
Faks : +603-2268 2222
 - (b) Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (OFS)
Tingkat 14, Blok Utama
Menara Takaful Malaysia
No. 4, Jalan Sultan Sulaiman
50000 Kuala Lumpur
Tel : +603-2272 2811
Faks : +603-2272 1577
 - (c) Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (LINK)
Tingkat Bawah, Blok C
Bank Negara Malaysia
Peti Surat 10922
50929 Kuala Lumpur
Tel : 1300 88 5465
Faks : +603-2174 1515